

Headline **Kolej Insaniah unggul**
Date **24 Dec 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **359 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,323**
PRValue **30,969**



Kolej Insaniah unggul

Muncul juara perahu panjang buat kali keenam dalam pertandingan Pesta Sukan Sungai 2010

Fauzi Rahim Mustafa

SKUAD Perahu Panjang Kolej Universiti Insaniah (Insaniah) membuktikan keunggulan mereka apabila muncul juara buat kali keenam dalam pertandingan Pesta Sukan Sungai 2010 Kali Ke-79, di Ampang Jajar, Mada, di Alor Setar, Kedah, baru-baru ini. Insaniah unggul mempertahankan gelaran juara bagi kategori Institusi Pengajian Tinggi selepas mengetepikan dua pesaing tegar iaitu skuad Institut Kemahiran Mara (IKM) Alor Setar dan pasukan Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok.

Skuad Insaniah mencatat masa 4 minit 47 saat, meninggalkan IKM di tempat kedua dengan catatan masa 4.53s manakala tercorot UUM (5.03s).

Bermula penuh semangat, Insaniah mendayung konsisten dan ketika melepasi jarak kira-kira 200 daripada jarak keseluruhan iaitu 1,000 meter, mereka ditinggalkan IKM, namun masih di depan

UUM. Dengan pengalaman dan taktikal ciri juara, Insaniah mula meningkatkan daya dayungan untuk menghampiri

IKM seterusnya mula menemui rentak untuk meninggalkan pesaing mereka selepas perlumbaan memasuki jarak 300m.

Tanpa menoleh ke belakang, pasukan Insaniah terus berkayuh sambil diikuti IKM dan UUM namun kedua-dua lawan itu masih gagal mencari formula memintas mereka.

Sambil diiringi laungan semangat, skuad Insaniah tetap konsisten mendahului sehingga muncul pasukan pertama yang mencecahkan perahu mereka di garisan penamat di Tanjung Chali.

Pengurus yang juga Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar Insaniah, Zolkefli Othman, berkata kemenangan itu adalah hadiah untuk universiti

kerana sentiasa memberi galakan kepada peserta dalam acara berkenaan.

"Pendayung layak bergelar juara kerana komitmen yang ditunjukkan mereka amat memberangsangkan. Kerjasama berpasukan adalah kunci kejayaan Insaniah meraih juara kali keenam.

"Tanpa kerjasama dan persefahaman yang ditunjukkan mereka, tidak mungkin Insaniah dapat mengecapi kejuaraan buat kali keenam. Ia sesuatu yang amat menakutkan," katanya.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Abdul Halim Muadzam Shah ibni Al Marhum Sultan Badlishah diiringi Sultanah Tuanku Permaisuri Haminah Hamidun.

Turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Kesenian, Warisan dan Kebudayaan negeri, Dr Hamdan Mohamed Khalib.



MANTAP...ahli pasukan Kolej Insaniah bersama piala yang dimenangi.